

Headline	Usaha MTIB pertingkatkan sumber manusia melalui pengurusan LEAN		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	27 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	384 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,651
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,953



# Usaha MTIB pertingkatkan sumber manusia melalui pengurusan *LEAN*

**INDUSTRI** perindustrian kayu negara kini berdepan isu kekurangan tenaga kerja dalam pelbagai peringkat kemahiran ekoran kurang minat pekerja tempatan bekerja dalam industri itu.

Kajian yang dijalankan oleh MTIB mendapati 58.17 peratus daripada tenaga kerja dalam industri itu kini diisi oleh tenaga kerja asing.

Menyedari senario ini, MTIB dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Program Pengurusan *Lean* pada tahun 2014 dan 2015.

Usaha itu bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing di samping mengurangkan kos operasi pengeluaran, meningkatkan produktiviti syarikat dan mengelakkan pembaziran.

Pelaksanaan program itu merupakan salah satu inisiatif untuk memajukan sektor perindustrian kayu untuk mencapai objektif Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) yang menyasarkan pencapaian eksport kepada RM53 bilion menjelang tahun 2020.

Projek ini merupakan projek bersepadu yang meliputi teras seperti yang digariskan dalam NATIP iaitu:

- **Teras 5** : Memberi pendedahan, membina dan meningkatkan keupayaan serta kemahiran dalam kalangan modal insan, mengenai kepentingan pengurusan *Lean* dalam operasi syarikat.
- **Teras 7** : Meningkatkan kapasiti pengeluaran syarikat Bumiputera menerusi peningkatan produktiviti, hasil daripada susun atur kilang yang optimum. *Lean* merupakan falsafah pe-

ngurusan yang berpandukan kepada *Toyota Production System (TPS)*. *Lean* bertindak dengan menghapuskan sebarang proses yang tidak menambah nilai dalam operasi sebuah organisasi. Lima prinsip Pengurusan *Lean* adalah:

- Mengenal pasti nilai daripada perspektif sesuatu organisasi.
- Mengenal pasti aliran nilai.
- Membenarkan pengaliran perkhidmatan yang lancar.
- Memberi perkhidmatan hanya jika diminta.
- Menuju ke arah kesempurnaan.

Objektif utama program itu adalah untuk membolehkan organisasi:

- Mengenal pasti punca pembaziran dalam proses utama dan merancang tindakan penambahbaikan.
- Menggunakan pakai kaedah Pengurusan *Lean* dalam meningkatkan kecekapan proses, operasi dan produktiviti.
- Meningkatkan kecekapan penghantaran dan kepuasan pelanggan.
- Berkongsi amalan terbaik supaya organisasi lebih produktif dan kompetitif.

Dalam pada itu, sebanyak 14 buah syarikat perindustrian kayu di Semenanjung Malaysia menyertai Program Pengurusan *Lean* MTIB pada tahun 2014. Bagi menjayakan program itu, Perbadanan Produktiviti Negara (MPC) dilantik oleh MTIB sebagai perunding Pengurusan *Lean* bagi kesemua 14 buah syarikat terbabit.

Pelaksanaan program yang bermula pada bulan Ogos hingga Disember 2014, melibatkan tiga fasa iaitu sesi bengkel, konsultasi

dan lawatan tapak.

Hasil daripada pelaksanaannya, sebanyak 50 peratus daripada syarikat berjaya melaksanakan Projek *Lean 5S*. Antara faedah dan impak yang diperolehi adalah penambahbaikan aspek kebersihan, keselamatan, keselamatan dan kemudahan. Di samping itu, proses pencarian bahan mentah juga berjaya dipermudahkan.

Selain itu, peningkatan dan penyelesaian tempat kerja juga dipertingkatkan melalui penyusunan mesin dan aliran kerja yang lebih teratur.

Secara keseluruhan, penjimatan diperolehi daripada 14 buah syarikat yang menamatkan Program Pengurusan *Lean* bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM706,833.00 sebulan atau RM8.5 juta setahun.

Di samping itu, peningkatan produktiviti organisasi secara keseluruhan direkodkan sebanyak 28 peratus.

Sementara itu, MTIB kini sedang menjalankan fasa kedua program iaitu Program Pengurusan *Lean* 2015 yang melibatkan 14 buah syarikat. Laporan impak daripada pelaksanaan program ini dijangka diperolehi pada hujung tahun ini.

Secara keseluruhannya, program ini terbukti memberi impak memberangsangkan terutama dalam mengurangkan kos operasi dan meminimumkan pembaziran dalam industri perindustrian kayu negara.

Tanpa pelaksanaan program itu, industri perindustrian kayu negara akan terus bergantung kepada tenaga kerja buruh yang tinggi terutama daripada tenaga pekerja asing.

Melalui usaha itu juga, MTIB berhasrat untuk mengurangkan tenaga pekerja asing kepada 20 peratus menjelang tahun 2025.

Headline	Usaha MTIB pertingkatkan sumber manusia melalui pengurusan LEAN		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	27 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	384 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,651
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,953



**MENTERI** Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas (sembilan dari kiri) bergambar dengan Jalaluddin Harun (sembilan dari kanan), wakil MPC dan syarikat yang menyertai Program Pengurusan *Lean* anjuran MTIB.